

PENDEKATAN FUNGSIONAL DALAM PENINGKATAN MUTU BERITA TERJEMAHAN*

Rokiah Awang dan Mashudi Kader

Abstrak

Makalah ini membicarakan pendekatan fungsional sebagai satu kaedah dalam penterjemahan berita bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu dalam akhbar berbahasa Melayu, khususnya *Berita Harian* (BH). Pendekatan fungsional dirasakan kaedah terbaik yang dapat meningkatkan mutu penterjemahan berita kerana ia memastikan setiap terjemahan yang dihasilkan sesuai dengan fungsi dan kehendak pengguna yang menggunakan terjemahan tersebut. Berdasarkan teori hierarki terjemahan Nord (1997), penterjemahan dilakukan secara atas-bawah (*top-down*) mengikut kepentingan pragmatiknya, yakni dengan mengutamakan aspek-aspek seperti tujuan penterjemahan serta perbezaan nilai norma dan konvensi antara teks sumber dengan teks sasaran. Setelah faktor-faktor ini dipenuhi, barulah aspek-aspek lain yang lebih rendah hierarki pragmatiknya seperti perbezaan bahasa dan kecenderungan penterjemah diambil kira pula. Aspek pragmatik ini memastikan berita dapat diterjemahkan secara bermutu dan berkesan kerana ia disesuaikan mengikut tujuan dan keperluan kepenggunaannya.

Abstract

This article looks at functional translation as a pragmatic approach in the translation of English news into Malay in the Malay newspapers. Functional translation is one of the most appropriate approaches that can be employed to improve the quality of translated news as the translation is tailored towards the functions and needs of the target

* Makalah ini disesuaikan daripada kertas kerja bertajuk *Kepentingan Penterjemahan Berita dalam Menjana Maklumat Pembangunan K-Ekonomi* yang dibentangkan dalam **Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-8** di Langkawi, Kedah pada 3–5 September 2001.

audience. According to the functional approach, a news text is translated top-down, i.e., by focussing on the most pragmatic aspects such as the purpose of translation as well as norms and conventions between the source text and the target text. Once these aspects are satisfied only then will other aspects such as differences between the source language and the target language and the translator's intuition are considered. Through such pragmatic approach, the quality and effectiveness of the news is assured as the news if translated appropriately according to the purpose and practical needs of the target audience.

PENDAHULUAN

Berita merupakan salah satu daripada cara mudah untuk mendapatkan maklumat umum masa ini. Melalui berita, berbagai-bagai maklumat dari dalam dan luar negara boleh digunakan untuk merancang pembinaan dan kemajuan negara. Berita luar negara, misalnya merupakan salah satu daripada sumber terpenting maklumat yang diperlukan untuk pembangunan negara. Oleh itu, perlu ada mekanisme untuk mendapatkan maklumat yang tersimpan ini. Di sinilah letaknya peranan penting yang dimainkan oleh penterjemah dalam mengupas isi maklumat berita untuk dipersembahkan kepada masyarakat di negara ini dalam bahasa yang boleh difahami.


Aktiviti penterjemahan berita di negara ini banyak dilakukan oleh syarikat berita sendiri yang kebanyakannya menterjemahkan berita yang tersiar dalam bahasa asing, terutamanya bahasa Inggeris untuk paparan pembaca yang tidak begitu mahir dalam bahasa sumber itu. Walau bagaimanapun, mutu penterjemahan berita-berita tersebut secara umumnya belum mencapai tahap terbaik menyebabkan pembaca tidak dapat menerima manfaat sepenuhnya daripada maklumat itu.

Kaedah Fungsional dalam Terjemahan

Salah satu kaedah terjemahan yang dirasakan dapat meningkatkan mutu penterjemahan berita adalah melalui pendekatan fungsional. Pendekatan fungsional ialah teori terjemahan yang melihat tujuan atau fungsi sesuatu teks terjemahan sebagai kriteria paling utama dalam sesuatu aktiviti terjemahan. Berdasarkan pendekatan ini, linguistik bukanlah menjadi rujukan utama dalam sesuatu penterjemahan (bukan “linguistic-based”, yakni berasaskan struktur ayat), sebaliknya aspek yang dilihat ialah kesesuaian fungsi dalam sesuatu situasi atau konteks penterjemahan (Schaffner, 1998:235–38). Dengan itu,

pendekatan fungsional tidak menumpu kepada perbandingan antara teks sumber dengan teks Sasaran dari segi linguistik tetapi lebih mementingkan peranan faktor latar belakang terjemahan seperti situasi, pembaca Sasaran, fungsi, budaya dan aspek-aspek lain.

Christian Nord, salah seorang pelopor pendekatan fungsional telah mencadangkan suatu kaedah pragmatik berasaskan hierarki terjemahan yang boleh diaplikasikan kepada penterjemahan kebanyakan jenis teks. Melalui teori hierarki ini, Nord (1997) berpendapat bahawa setiap terjemahan mesti dilakukan secara pragmatik berdasarkan kaedah atas-bawah (*top-down*). Yang dimaksudkan dengan kaedah atas-bawah ialah penterjemah membuat penilaian ke atas teks yang akan diterjemahkan dan menentukan strategi keseluruhan untuk menterjemah teks tersebut pada peringkat makrotekstual sebelum dia beralih ke peringkat yang lebih rendah (mikrotekstual) seperti menterjemah ayat dan perkataan. Menurut Nord (1997), kaedah ini melibatkan hierarki tahap-tahap pemilihan yang berkait rapat dengan fungsi penterjemahan itu. (Lihat Rajah 1).



Rajah 1 Hierarki Strategi Penterjemah (disesuaikan daripada Nord, 1997).

Menurut Nord (1997), hierarki penterjemahan bermula di peringkat pragmatik apabila sesuatu fungsi penterjemahan itu ditentukan. Di peringkat ini, fungsi penterjemahan akan menentukan sama ada teks itu akan diterjemahkan secara dokumentari atau secara instrumental.

Contoh terjemahan dokumentari yang dicadangkan oleh Nord dapat dilihat dengan lebih jelas melalui Jadual 1.

Jadual 1 Terjemahan Dokumentari (Nord, 1997).

| | | | | |
|-------------------------|---|---------------------------------|---|--|
| Fungsi terjemahan | Dokumen mengenai interaksi komunikatif budaya sumber untuk pembaca budaya Sasaran | | | |
| Fungsi teks | Fungsi metatekstual | | | |
| Jenis terjemahan | Terjemahan Dokumentari | | | |
| Bentuk terjemahan | Terjemahan interlinear (antara baris) | Terjemahan literal | Terjemahan Filologi | Terjemahan secara eksotik |
| Tujuan terjemahan | Penyalinan sistem bahasa sumber | Penyalinan bentuk bahasa sumber | Penyalinan bentuk + kandungan teks sumber | Penyalinan bentuk. kandungan + situasi teks sumber |
| Fokus proses terjemahan | Struktur leksikal + sintaksis teks sumber | Unit leksikal teks sumber | Unit sintaksis teks sumber | Unit tekstual teks sumber |
| Contoh teks | Linguistik perbandingan | Petikan dalam teks berita | Karya klasik Greek/Latin | Prosa kesusasteraan moden |

Terjemahan dokumentari akan menghasilkan teks yang fungsi utamanya bersifat metatekstual, iaitu teks sasaran yang mempunyai atau mengekalkan aspek-aspek teks sumber atau situasi budaya sumber di dalamnya. Aspek teks sumber yang akan difokuskan itu menentukan kaedah penterjemahan. Contohnya, jika aspek utama menekankan perkara morfologi, leksikal atau sintaksis bahasa sumber, umpamanya dalam teks ensiklopedia bahasa atau teks linguistik perbandingan, maka jenis terjemahan yang akan dipilih lebih cenderung kepada terjemahan harafiah atau interlinear, seperti terjemahan teks daripada bahasa Sepanyol kepada bahasa Inggeris di bawah ini:

Estando asi en la cama, rogo a los yernos
Being so in the bed, he/she-asked (to) the sons-in-law

que le diesen cierta cantidad de dinero,
that him they-would-give certain amount of money,

lo que hicieron de buena voluntad, confiados en la herencia.
which they-did of good will, confident in the inheritance.

(Dipetik daripada Fischer Lexicon Sprachen [1961], dalam Nord, 1997).

Terjemahan instrumental pula menghasilkan teks sasaran yang mewujudkan interaksi komunikasi baharu antara teks sumber dengan teks sasaran yang menjadikan teks sumber sebagai model. Perkara ini dapat ditunjukkan melalui Jadual 2.

Jadual 2 Terjemahan Instrumental (Nord, 1997).

| | | | |
|---------------------|--|---|--|
| Fungsi terjemahan | Instrumen untuk interaksi komunikatif budaya sasaran menggunakan model interaksi komunikatif budaya sumber | | |
| Fungsi teks sasaran | referensial/ekspresif/apelatif/fatis 'phatic'/subfungsi | | |
| Jenis terjemahan | Terjemahan Instrumental | | |
| Bentuk terjemahan | Terjemahan ekuifungsional | Terjemahan Heterotekstual | Terjemahan Homolog |
| Tujuan terjemahan | Mencapai fungsi teks sumber untuk pembaca sasaran | Mencapai persamaan fungsi seperti teks sumber | Mencapai kesan homolog seperti teks sumber |
| Fokus terjemahan | Unit fungsional tek sumber | Perpindahan fungsi teks sumber | Tahap keaslian teks sumber |
| Contoh teks | Panduan penggunaan produk, dll. | "Gulliver's Travel" untuk kanak-kanak | Puisi diterjemahkan oleh penyair |

Melalui terjemahan instrumental, Nord mencadangkan supaya kaedah ini akan menghasilkan tiga bentuk terjemahan:

- (a) Terjemahan ekuifungsional (*equifunctional translation*), iaitu terjemahan yang mempunyai fungsi yang sama antara teks sumber dengan teks sasaran, contohnya teks teknikal, buku panduan produk dan teks-teks pragmatik yang lain.
- (b) Terjemahan heterofungsional (*heterofunctional translation*), iaitu terjemahan yang mengubah fungsi teks sumber di dalam teks sasaran, contohnya teks kesusteraan tinggi dalam bahasa sumber menjadi teks akademik di sekolah dalam bahasa sasaran.
- (c) Terjemahan homolog (*homologous translation*), iaitu terjemahan yang mengekalkan fungsi tertentu teks sumber seperti nilai-nilai kekreatifan atau estetika dalam teks sasaran.

Menurut Nord, penilaian pada peringkat teratas inilah yang menentukan strategi keseluruhan penterjemahan. Pemilihan kaedah dokumentari atau instrumental akan menentukan sama ada terjemahan itu akan menggunakan kaedah terjemahan harafiah, literal, semantik, komunikasi, adaptasi, bebas, atau kaedah-kaedah terjemahan lain sebagaimana yang dikehendaki oleh fungsi penterjemahan sesuatu teks itu.

Setelah kaedah keseluruhan ini ditentukan, barulah keputusan dibuat pada tahap hierarki di bawahnya. Pada peringkat kedua, keputusan dibuat untuk menentukan sama ada nilai-nilai di dalam teks sumber ingin dikenalkan atau disesuaikan dengan situasi teks Sasaran seperti budaya, norma dan tahap pengetahuan pembaca, kekangan medium dan lain-lain.

Pada tahap seterusnya, keputusan dibuat untuk menentukan sama ada teks Sasaran itu akan mengekalkan gaya teks sumber atau menyesuaikannya dengan gaya teks Sasaran. Setelah keputusan ini dibuat, barulah keputusan yang berkaitan dengan perbezaan bahasa antara sistem linguistik teks sumber dengan teks Sasaran diambil kira. Sekiranya masih ada lagi masalah yang tidak dapat diselesaikan, barulah peringkat paling bawah, iaitu aspek kontekstual teks Sasaran diambil kira, iaitu dengan membuat pilihan mengikut gerak hati atau kecenderungan penterjemah.

ANALISIS TERJEMAHAN TEKS BERITA AKHBAR

Untuk melihat kaedah penterjemahan yang digunakan oleh akhbar-akhbar di Malaysia, analisis telah dibuat ke atas teks berita luar negara dalam bahasa Inggeris yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu di akhbar *Berita Harian* (BH). Berita-berita ini merangkumi hal-hal perdagangan, kewangan, hubungan ekonomi antara negara dan hal-hal ekonomi lain yang diterima daripada agensi-agensi berita antarabangsa seperti *Associated Press*, *Reuters*, *Agence France Presse*, *New York Times*, dan agensi-agensi berita nasional termasuk *Bernama*. Analisis ini melihat proses penterjemahan yang dilakukan di *Berita Harian* dengan melihat perubahan-perubahan yang telah berlaku antara teks sumber dengan teks Sasaran dari segi bentuk dan makna. Analisis ini membandingkan teks sumber dengan teks Sasaran dan mengenal pasti prosedur-prosedur yang digunakan semasa penterjemahan, iaitu: (a) penggantian, (b) penulisan semula, (c) pengubahsuaian, (d) penambahan, dan (e) pengguguran.

Secara amnya, terjemahan yang dilakukan ke atas berita ekonomi luar negara di *Berita Harian* tidak menampakkan usaha untuk mengekalkan bentuk teks sumber di dalam teks Sasaran. Terdapat perubahan yang ketara antara teks sumber dengan teks Sasaran yang menunjukkan prosedur untuk

menyesuaikan maklumat teks sumber dengan latar belakang teks sasaran. Antaranya ialah perubahan dari segi situasi teks sasaran dan gaya penulisan seperti contoh di bawah:

A. *Situasi Teks Sasaran*

Contoh 1:

Teks Sumber:

BEIJING, April 14 (Reuter) – China is shifting its lobbying efforts away from trying to join the World Trade Organisation (WTO) towards gaining more recognition in the Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) forum, a newspaper said in Sunday.

Teks sasaran:

BEIJING, Ahad – China mengalih usaha lobinya daripada menyertai Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) ke arah mendapatkan lebih pengiktirafan dalam forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), kata sebuah akhbar hari ini.

Oleh sebab berita yang dibaca oleh pembaca sasaran biasanya disiarkan selepas kejadian, maka terdapat perubahan dari segi masa yang merujuk masa teks itu diterima pembaca sasaran. Dalam contoh ini, perkataan *Sunday* dalam teks sumber telah digantikan dengan perkataan *hari ini* dalam teks sasaran untuk menunjukkan masa pembaca membaca berita itu, bukannya pada masa kejadian.

Contoh 2:

Teks sumber:

P1: Singapore, April 7 (AFP) – China, Vietnam and Indonesia this year were the most corrupt nations in the region, and overall, Asia has grown more corrupt, according to a published survey of businessmen working in 12 countries in the region.

6: At the top of the corruption graph was China followed by – in that order Vietnam, Indonesia, the Philippines, India, Thailand, Taiwan, South Korea, Malaysia, Hong Kong, Japan and Singapore.

Teks sasaran:

P1: Singapura, - Malaysia termasuk dalam senarai negara-negara paling

kuat mengamalkan rasuah di rantau Asia, menurut kaji selidik oleh ahli perniagaan yang bekerja di 12 negara di rantau ini.

Dalam contoh ini, terdapat perubahan dari segi nilai berita apabila nama Malaysia telah diberi penekanan yang lebih dalam berita utama teks sasaran. Perenggan pertama berita sasaran itu memaparkan penulisan semula maklumat teks sumber dengan memulakan ayat itu dengan nama Malaysia walaupun maklumat itu hanya terdapat dalam perenggan keenam teks sumber yang memasukkan nama Malaysia sebagai salah satu daripada nama dalam senarai negara pengamal rasuah di rantau Asia.

Contoh 3:

Teks sumber:

Economy and Labour ministers from the Group of Seven Industrial nations, at a two-day forum in unemployment-scarred Lille in northern France, cast an envious eye on the United States record ·but fought shy of its meaner welfare cover.

Ministers were due to look on Tuesday at ways of harnessing those new opportunities, but still seemed divided between Anglo-Saxon free-marketeers and more interventionist Europeans.

Teks sasaran:

Menteri Ekonomi dan Buruh negara Kumpulan Tujuh (G7) yang kini menghadiri forum dua hari di Lille utara Perancis, cemburu dengan rekod Amerika Syarikat, namun mereka keberatan mencontohi kaedah perlindungan kebijakan yang dilaksanakan negara itu.

Hari ini, menteri terbabit juga dijadualkan meneliti kaedah terbaik bagi menggunakan peluang baru itu.

Disebabkan kekangan ruang, kebanyakan berita akhbar adalah ringkas dan pendek, terdapat beberapa pengguguran maklumat dari peringkat perenggan hingga ke peringkat perkataan. Dalam contoh di atas, perkataan-perkataan *Industrial*, *unemployment-scarred*, *meaner* serta klausa *but still seemed divided between Anglo-Saxon free-marketeers and more interventionist Europeans* telah digugurkan daripada teks sasaran.

Contoh 4:

Teks sumber:

Another 400 vacancies have been created by voluntary buy-outs, and the

remaining 400 will include further buy-outs, attrition and “involuntary” buy-outs.

Teks sasaran:

Seramai 400 petugas meletakkan jawatan dan 400 lagi jawatan akan dikosongkan.

Dalam contoh ini pula, frasa di dalam bahasa sumber telah digantikan dengan frasa yang lebih ringkas dan lebih menyeluruh di dalam bahasa sasaran untuk memendekkan berita di dalam teks sasaran.

B. Gaya Berita

Contoh 5:

Teks sumber:

Singapore, April 11 (AFP) - Singapore Airlines Ltd. and British Airways Plc will soon allow passengers to gamble on their flights becoming the first two carriers to introduce electronic inflight gaming, news reports said Thursday.

Teks sasaran:

SINGAPURA, Khamis - Singapore Airlines Ltd. dan British Airways Plc akan membenarkan penumpangnya berjudi dalam pesawat, sekali gus menjadi dua syarikat penerbangan pertama memperkenalkan alat judi elektronik, menurut laporan akhbar, hari ini.

Contoh ini menunjukkan perubahan dari segi gaya pemberitaan teks sasaran. Dalam teks sumber, gaya yang digunakan oleh agensi berita AFP adalah dengan menggunakan tarikh dan diikuti oleh nama agensi itu. Dalam teks sasaran, tarikh itu telah digantikan dengan hari dan nama agensi itu dan diubah ke bahagian hujung berita.

Contoh 6:

Teks sumber:

Joseph Connor, the undersecretary-general for administration and management told a news conference that 200 posts had been eliminated late last year along with other savings amounting to \$98 million.

Teks sasaran:

Setiausaha Rendah Bagi Pentadbiran dan Pengurusan, Joseph Connor, memberitahu sidang akhbar bahawa 200 jawatan sudah dimansuhkan lewat tahun lalu bagi menjimatkan AS\$98 juta (RM245 juta).

Dalam contoh ini, susunan kedudukan maklumat dalam teks sumber telah diubah untuk menyesuaikannya dengan gaya penulisan berita di akhbar *Berita Harian*. Dalam teks sumber, maklumat menunjukkan nama aktor berita mendahului jawatannya sementara dalam teks sasaran, susunan maklumat ini adalah terbalik dengan nama jawatan mendahului nama aktor.

Contoh 7:

Teks sumber:

Carpet exports earned Nepal 191.88 million dollars in 1992–93, a record level, and 190.66 million in 1993–94.

Teks sasaran:

Eksport permaidani membolehkan Nepal memperoleh hasil pendapatan berjumlah AS\$191.8 juta (RM479.5 juta) pada 1992–93, dan AS\$190.6 juta (RM476.5 juta) pada 1993–94.

Mengikut konvensi gaya penulisan berita akhbar *Berita Harian*, sebarang maklumat mengenai mata wang asing akan ditukarkan kepada mata wang tempatan atau dikekalkan, tetapi ditambah dengan maklumat dalam mata wang tempatan. Dalam contoh ini, nilai mata wang asing dalam Dolar Amerika telah dikekalkan dan kadar pertukarannya dalam mata wang Ringgit Malaysia telah dimasukkan sebagai tambahan kepada maklumat dalam teks sumber.

Analisis ke atas teks-teks terjemahan ini secara keseluruhan menunjukkan bahawa walaupun penterjemah telah membuat perubahan kepada maklumat teks sumber mengikut kesesuaian pembaca sasaran, tiada pola jelas yang menunjukkan bahawa penterjemah di *Berita Harian* menggunakan kaedah tertentu untuk menterjemahkan berita-berita tersebut. Kebanyakan perubahan menunjukkan bahawa ia telah dibuat berdasarkan keperluan penyuntingan dan konvensi kewartawanan yang memang bersifat pragmatik.

Perubahan-perubahan keseluruhan yang berlaku antara teks sumber dengan teks sasaran boleh diamati dengan lebih terperinci dengan membandingkan teks sumber yang diterima daripada *The New York Times* (NYT) dengan teks terjemahannya yang disiarkan di dalam *Berita Harian*. (Lihat Jadual 3).

Jadual 3 Contoh Perbandingan Teks Sumber dengan Teks Sasaran.

| | Teks Sumber (TS) | Teks Sasaran (TT) | Prosedur |
|---|---|---|--|
| | <p><i>NYT EDITORIAL: DON'T CAPSIZE THE U.N. (bl) c.1996 N.Y.</i></p> | Amerika mesti langsaikan hutang | Penggantian (tajuk berita) |
| 1 | <p><i>The New York Times said in an editorial for Monday, April 1:</i></p> | 1 <p><u>WASHINGTON</u>. Isnin - Amerika Syarikat yang menanggung hutang terbesar kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mesti mengakui bahawa tindakannya tidak membayar hutang boleh menyebabkan badan dunia itu muflis dan lumpuh sama sekali. November depan, menurut akhbar <u>New York Times</u> (NYT), hari ini.</p> | Penggantian (gaya pendahulu berita) Penulisan semula (maklumat) |
| 2 | <p><i>The United Nations is in financial straits that are deep, dangerous and only partly deserved.</i></p> | 2 <p><u>Hutang negara anggota PBB meningkat kepada AS\$3.1 bilion (RM7.75 bilion) dan negara yang paling banyak memikul beban hutang itu ialah Amerika.</u></p> | Pengguguran (frasa TS 'As...members') [Pengubahsuaian (penggabungan ayat 3 & 4 TS)] Penggantian (frasa TS 'deadbeat total' > 'hutang kepada') |
| 3 | <p><i>As of the beginning of this year, half its members had not paid last year's dues in full, with the United States leading the pack.</i></p> | 3 <p><u>Menurut Setiausaha Agung Rendah PBB, Joseph Connor, krisis kewangan PBB boleh menyebabkan operasi badan dunia itu terhenti menjelang November ini.</u></p> | Pengubahsuaian (susunan Maklumat) Pengguguran (frasa TS 'for administration') |
| 4 | <p><i>The deadbeat total has swelled to \$3.1 billion.</i></p> | | Pengguguran ('curtail') |
| 5 | <p><i>According to Joseph Connor, the under secretary general for administration, the United Nations faces a cash crisis that could curtail or even shut down its operations by November.</i></p> | | Pengguguran (ayat) |
| 6 | <p><i>The United Nations is out of fashion these days, and alarms about its financial problems have been raised before.</i></p> | | Pengguguran (ayat) |
| 7 | <p><i>But this time the crisis is acute.</i></p> | | |

sambungan Jadual 3

| | | | |
|----|--|---|---|
| | | | Pengguguran (ayat) |
| 8 | <i><u>It needs much reform, it should not be allowed to wither for lack of money.</u></i> | | |
| 9 | <i>In past years, the United Nations kept afloat by borrowing from separate peacekeeping accounts to cover shortfalls in its \$1.3 billion operating budget.</i> | | Pengubahsuaian (ayat TS dipindahkan ke bahagian bawah) |
| 10 | <i>But a reduction in peacekeeping has eliminated this option.</i> | | Pengubahsuaian (ayat TS dipindahkan ke bahagian bawah) |
| 11 | <i>America's debt, which represents a default on a treaty obligation, is an inexcusable embarrassment.</i> | 4 | "Hutang Amerika kepada PBB adalah memalukan kerana menunjukkan Washington tidak melaksanakan tanggungjawabnya." |
| 12 | <i>Washington owes \$699 million for this year's regular budget and \$909 million for peacekeeping operations.</i> | 5 | "Washington berhutang AS\$699 juta (<u>RM1.7 bilion</u>) bagi belanjawan tahun ini dan AS\$909 juta (<u>RM2.3 bilion</u>) bagi operasi pengamanan." |
| 13 | <i>No country has a worse record.</i> | 6 | Rekod ini adalah yang terburuk berbanding negara lain," menurut lidah pengarang NYT. |
| 14 | <i>Americans rightly ask whether the United Nations has done its share to cut costs.</i> | | Pengguguran (ayat) |
| 15 | <i>Connor, who has applied rigorous U.S. accounting standards to U.N. bookkeeping, maintains that financial management demands by Congress have been met.</i> | | Pengguguran (ayat) |

sambungan Jadual 3

| | | | |
|----|---|---|---|
| 16 | <i>The U.N. budget has not been increased since 1994.</i> | | Pengguguran (ayat) |
| 17 | <i>A new inspector general, Germany's Karl Paschke, is aggressively investigating waste and fraud.</i> | | Pengguguran (ayat) |
| 18 | <i>Some abuses persist.</i> | | Pengguguran (ayat) |
| 19 | <i>Senior echelons of the United Nations are clogged with patronage appointees.</i> | | Pengguguran (ayat) |
| 20 | <i>Trade, trusteeship and development agencies overlap with other United Nations offices.</i> | | Pengguguran (ayat) |
| 21 | <i>The U.S. share of the budget needs to be cut to 20 percent from 25 percent.</i> | 7 | Pengguguran (ayat) |
| | | 8 | Pengubahsuaian (pindahan ayat dari bahagian atas) |
| 22 | <i>Over the decades the United Nations has unquestionably helped end wars and preserve the peace in many regions, mediating and monitoring cease-fires.</i> | 9 | Pengubahsuaian (pindahan ayat dari bahagian atas) |
| | | | Penambahan (frasa TT 'Ketika...kepada') |
| | | | Penggantian ('many regions' > 'pelosok dunia') |
| | | | Pengubahsuaian (susunan) |

sambungan Jadual 3

| | | | | |
|----|--|----|---|--|
| 23 | <i>It has helped put human rights, including women's rights, on the diplomatic agenda.</i> | | dan mengekalkan keamanan di seluruh <u>pelosok dunia</u> selain menjadi pengantar krisis atau mengawasi gencatan senjata sejak <u>beberapa dekad lalu</u> . | maklumat ' <i>over the decades</i> ' (awal) > 'beberapa dekad lalu' (akhir) Penggantian ('it' > 'PBB') Penggantian ('diplomatic' > 'antarabangsa') [Pengubahsuaiann (penggabungan ayat 23 & 24 TS) dalam TT] Penambahan (frasa TT 'serta menghalang') Pengguguran (perkataan TS ' <i>displaced</i> ') Pengguguran (frasa TS ' <i>and...accorded</i> ') |
| 24 | <i>Its specialized agencies track epidemic diseases, provide shelter for millions of refugees displaced by war and disasters and perform other indispensable tasks to which little attention is paid or credit accorded.</i> | 10 | PBB, katanya, turut membantu menonjolkan isu hak asasi manusia termasuk hak wanita dalam agenda <u>antarabangsa</u> selain memiliki agensi khas bagi mengesan <u>serta menghalang</u> wabak penyakit daripada merebak, memberikan perlindungan kepada jutaan pelarian <u>akibat</u> perang dan bencana alam." | Pengguguran (ayat) |
| 25 | <i>Congress has agreed to a foreign affairs budget that meets the administration more than halfway with a five-year plan for paying back dues.</i> | | | Pengguguran (ayat) |
| 26 | <i>It provides \$823 million instead of the requested \$934 million for dues, and the full \$445 million for peacekeeping sought by the White House.</i> | | | Pengguguran (ayat) |
| 27 | <i>Sen. Jesse Helms of North Carolina insists in return that Clinton agree to fold any one of three now-independent federal agencies dealing with arms control, information and foreign aid into the State Department.</i> | | | Pengguguran (ayat) |

sambungan Jadual 3

| | | | | |
|----|--|----|--|--|
| 28 | <i><u>It is not a pleasant choice, but Clinton should settle on one, preferably the Agency for International Development, and end the deadlock with Helms</u></i> | | | Pengguguran (ayat) |
| 29 | <i><u>If Washington fails to come up with money solemnly promised by three successive presidents, not only downsizing but capsizing the United Nations, it would be a moral and financial default by the organization's principal founder.</u></i> NYT-03-31-96 | 11 | Jika Washington gagal menyerahkan peruntukan yang dijanjikan oleh tiga presiden yang lalu, kegagalan itu bukan sahaja boleh mengurangkan tetapi menenggelamkan PBB." | Penggantian ('money' > 'peruntukan') Pengguguran ('solemnly') [Pengubahsuaihan (ayat 29 TS dibahagikan kepada 2 ayat TT)] |
| | | 12 | <i><u>Tindakannya tidak membayar hutang akan menyebabkan Amerika dianggap sebagai lepas tangan dari segi moral dan kewangan sebagai pengasas PBB," menurut NYT</u></i> – Agensi | Penambahan (frasa TT 'Tindakannya... menyebabkan') Penggantian ('default' > 'dianggap..tangan') Pengguguran ('principal') Penggantian('organization's' > 'PBB') Penambahan (frasa TT 'menurut NYT') Penggantian ('NYT...96' > 'Agensi') |

Teks contoh di atas berkisar pada laporan *NYT* mengenai krisis kewangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan seruan akhbar tersebut kepada negara-negara anggota supaya menyelesaikan hutang mereka kepada PBB untuk mengelakkan badan itu daripada jatuh muflis. Contoh di atas menunjukkan prosedur-prosedur yang telah digunakan dalam penterjemahan teks sumber ke dalam bahasa Melayu termasuklah:

- (a) penggantian;
- (b) penulisan semula;
- (c) pengubahsuaihan;
- (d) penambahan; dan
- (e) pengguguran.

Prosedur penggantian berlaku kepada tajuk dan ayat 1 teks sumber yang menunjukkan penggantian maklumat antara teks sumber dengan teks sasaran.

Penggantian juga berlaku kepada ayat 4 teks sumber apabila frasa '*dead-beat total*' dalam ayat tersebut telah diterjemahkan di dalam teks sasaran sebagai 'Hutang negara anggota PBB meningkat kepada'. Selain itu, penggantian juga berlaku kepada sebahagian ayat 22, 23 dan 29 teks sumber.

Prosedur penulisan semula berlaku kepada ayat 2 teks sumber yang maklumatnya telah ditulis semula di dalam teks sasaran. Prosedur pengubahsuaian ayat pula berlaku kepada ayat 9 dan 10 teks sumber yang mengalami perubahan kedudukan dari bahagian atas ke bahagian bawah apabila dipindahkan ke ayat 7 dan 8 teks sasaran. Prosedur pengubahsuaian juga boleh dilihat dalam ayat 5 teks sumber apabila maklumat '*According to Joseph Connor, the under secretary general for administration*' telah diubah susunannya dalam teks sasaran kepada 'Menurut Setiausaha Agung Rendah PBB, Joseph Connor' (berlaku juga pengguguran frasa '*for administration*' dalam teks sasaran).

Prosedur penambahan dilakukan pada ayat 5, 6, 9 – 12 teks sasaran yang memasukkan maklumat tambahan yang tidak terdapat di dalam teks sumber.

Walau bagaimanapun, contoh prosedur yang paling banyak ialah pengguguran yang berlaku kepada peringkat perkataan, frasa dan ayat. Umpamanya dalam ayat ke-5, teks sumber yang diturunkan semula di bawah ini:

Teks sumber:

According to Joseph Connor, the under secretary general for administration, the United Nations faces a cash crisis that could curtail or even shut down its operations by November.

Teks sasaran:

Menurut Setiausaha Agung Rendah PBB, Joseph Connor, krisis kewangan PBB boleh menyebabkan operasi badan dunia itu terhenti menjelang November ini.

Perkataan *for administration* dan *curtail* dalam teks sumber telah digugurkan dalam teks sasaran.

Pada peringkat frasa pula, dalam ayat ke-3 yang diberikan di bawah ini:

Teks sumber:

As of the beginning of this year, half its members had not paid last year's dues in full, with the United States leading the pack.

Teks sasaran:

Hutang negara anggota PBB meningkat kepada AS\$3.1 bilion (RM7.75 bilion) dan negara yang paling banyak memikul beban hutang itu ialah Amerika.

Frasa di permulaan ayat yang memberikan maklumat mengenai jangka masa dan jumlah negara yang berhutang dengan PBB telah digugurkan daripada teks sasaran.

Pengguguran peringkat ayat pula berlaku kepada ayat 6 – 8 teks sumber seperti di bawah:

Teks sumber:

The United Nations is out of fashion these days, and alarms about its financial problems have been raised before.

But this time the crisis is acute.

It needs much reform, it should not be allowed to wither for lack of money.

Ayat 14 – 21 teks sumber:

Teks sumber:

Americans rightly ask whether the United Nations has done its share to cut costs.

Connor, who has applied rigorous U.S. accounting standards to U.N. bookkeeping, maintains that financial management demands by Congress have been met.

The U.N. budget has not been increased since 1994.

A new inspector general, Germany's Karl Paschke, is aggressively investigating waste and fraud.

Some abuses persist.

Senior echelons of the United Nations are clogged with patronage appointees.

Trade, trusteeship and development agencies overlap with other United Nations offices.

The U.S. share of the budget needs to be cut to 20 percent from 25 percent.

dan ayat 25–28 teks sumber.

Teks sumber:

Congress has agreed to a foreign affairs budget that meets the ad-

ministration more than halfway with a five-year plan for paying back dues.

It provides \$823 million instead of the requested \$934 million for dues, and the full \$445 million for peacekeeping sought by the White House. Sen. Jesse Helms of North Carolina insists in return that Clinton agreed to fold any one of three now-independent federal agencies dealing with arms control, information and foreign aid into the State Department.

It is not a pleasant choice, but Clinton should settle on one, preferably the Agency for International Development, and end the deadlock with Helms.

Ayat 6 – 8 yang digugurkan menerangkan keadaan kewangan PBB dan seruan NYT supaya PBB diselamatkan daripada krisis tersebut. Ayat 14 – 21 yang digugurkan pula mengemukakan fakta mengenai masalah-masalah yang berlaku dalam PBB sementara ayat 25 – 28 yang digugurkan merujuk debat di Senat Amerika Syarikat (AS) mengenai kelulusan peruntukan perbelanjaan untuk kementerian luar negara itu yang membolehkan pentadbiran itu membayar hutang tertunggaknya kepada PBB.

Ternyata agak jelas strategi penterjemahan berita adalah untuk mengekalkan maklumat yang penting. Walaupun sebahagian daripada maklumat yang digugurkan di dalam teks ini merujuk AS secara khusus, kelihatan ia dirasakan penting untuk diterjemahkan kerana AS ialah salah sebuah daripada pelopor badan dunia itu dan mempunyai pengaruh besar dalam menentukan hala tuju PBB. Dalam contoh ini, hal AS tidak membayar hutangnya kepada PBB jelas penting untuk diterjemahkan. Sebarang tindakan atau polisi yang dibuat oleh negara itu kelihatannya menjadi ikutan atau sekurang-kurangnya mempengaruhi polisi yang dibuat oleh negara-negara lain. Hujah-hujah yang dikemukakan oleh NYT menunjukkan bahawa negara-negara anggota PBB, terutamanya AS telah mengabaikan tanggungjawab mereka kepada pertubuhan itu. Sekiranya hal ini dibiarkan, ia mungkin menyebabkan masalah kewangan PBB menjadi lebih teruk dan akan menyebabkan pertubuhan itu bankrap.

KESIMPULAN

Dalam perbincangan di atas mengenai kaedah hierarki fungsian Nord, ditekankan bahawa fungsi terjemahan ialah aspek paling penting dalam sesuatu aktiviti terjemahan. Fungsi terjemahan teks berita luar negara tentulah untuk memberikan maklumat yang sebaik mungkin mengenai perkara-perkara yang berlaku di luar ruang geografi negara ini. Contoh-contoh pro-

sedur di atas menunjukkan bahawa telah berlaku banyak perubahan maklumat antara teks sumber dengan teks Sasaran. Walaupun sesetengah prosedur seperti pengubahsuaian kedudukan dan penambahan tidak begitu membawa perubahan dari segi maklumat, prosedur pengguguran umpamanya, akan menjelaskan kandungan berita, sekiranya maklumat yang digugurkan itu penting. Hal ini dirasakan turut menjelaskan objektif utama penterjemahan berita, iaitu penyebaran maklumat bermanfaat kepada orang ramai.

Penggunaan kaedah fungsian seperti terjemahan dokumentari dan instrumental yang dicadangkan dalam teori hierarki strategi penterjemahan Nord (1997) memastikan bahawa kaedah terjemahan sesuatu teks itu menepati fungsi yang diingini oleh aktiviti penterjemahan itu. Ia memastikan bahawa teks itu diterjemahkan dengan sebaik mungkin dan dapat memberikan manfaat paling optimum kepada pembaca Sasaran. Oleh sebab aktiviti penterjemahan banyak melibatkan prosedur pemilihan, kaedah ini membantu penterjemah untuk membuat keputusan bagi memilih maklumat yang perlu dikekalkan dan maklumat yang boleh digugurkan sesuai dengan fungsi sesuatu terjemahan itu. Walaupun mungkin terdapat pengurangan maklumat di dalamnya (yakni yang tidak penting digugurkan), maklumat yang utama dan penting telah disampaikan dan boleh digunakan oleh pembaca sepenuhnya.

RUJUKAN

- Nord, Christiane, 1997. *Translating as a Purposeful Activity: Functional Approaches Explained*. Manchester: St. Jerome Publishing.
- Rokiah Awang, 2000. *The Translation of English News into Malay in the Malay Newspapers of Malaysia*. Tesis Ph.D., Universiti Sains Malaysia.
- Schaffner, Christina, 1998. “Skopos Theory” dlm. Baker, Mona (ed.), *Routledge Encyclopedia of Translation Studies*. Routledge: London/New York.